

30 MAR 2005

SABAH-PETRONAS

PERMINTAAN DOMESTIK PENTING BAGI LOJI HILIRAN, KATA PETRONAS

KOTA KINABALU, 30 Mac (Bernama) -- Dalam mana-mana pembangunan sumber minyak dan gas, loji hiliran atau projek petrokimia, permintaan tempatan memainkan peranan penting, kata naib presiden Petronas bagi pembangunan dan perancangan korporat, Nasarudin Md Idris.

"Kami mempunyai terminal gas pesisir pantai Sabah di Sabah di Kg Gayang. Ia mempunyai kapasiti 150 mmscf/d tetapi hari ini kami menjual kurang daripada 30 mmscf/d. Jadi, tiada hiliran optik seterusnya," katanya semasa diminta mengulas kenyataan penasihat Petronas, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang juga bekas perdana menteri.

Di Persidangan CEO Antarabangsa 2005 semalam, Dr Mahathir berkata beliau akan menasihatkan Petronas untuk melihat kemungkinan memindahkan sesetengah daripada aktiviti hilirannya di Sabah.

"Tun (Dr Mahathir) telah berkata Petronas akan mengkaji. (Jadi) ia adalah sesuatu yang akan dikaji oleh Petronas," kata Nasarudin.

Apabila ditanya apa yang perlu ditarik oleh Sabah untuk mewujudkan industri hiliran, beliau berkata ianya bergantung kepada jenis industri yang dijangka berkembang di Sabah dan dalam industri hilirannya.

"Sebagai contohnya, Taiwan telah bermula dengan hiliran berbanding huluan dalam perniagaan petrokimianya. Taiwan kukuh dalam bahagian hiliran (seperti pembuatan plastik) dalam perniagaan petrokimia dan kemudiannya menggabungkannya dengan bahagian huluan," katanya.

Terdahulu, pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sabah, Datuk Mohd Noor Moktar berkata negeri itu berharap syarikat minyak kebangsaan itu akan menubuhkan sama ada kilang penapis atau kilang petrokimia di sini.

"Kami menanyakan kepada mereka kerana Sabah mengeluarkan sejumlah besar minyak dan gas. Kami telah meluahkan hasrat kami kepada Petronas sekali sekala. Kami berharap mereka akan bersimpati dengan Sabah. Di Sarawak, mereka mempunyai kompleks LNG terbesar dan kami sepatutnya turut diberi layanan yang sama," katanya. -- BERNAMA

SM LC ZK